

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP**
[MERBOK]

TARIKH : **4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

SOALAN :

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah proaktif Kerajaan untuk membantu pekebun kecil mengeksport lebihan minyak sawit mentah secepat mungkin dalam tempoh pengecualian duti eksport minyak sawit mentah.

JAWAPAN :

Tuan yang Dipertua,

Kerajaan telah mengumumkan penangguhan duti eksport minyak sawit mentah sehingga 31 Disember 2019. Penangguhan ini dijangka akan menggalakkan aktiviti eksport minyak sawit mentah ke negara luar dan seterusnya akan merancakkan lagi rantai industri sawit negara terutamanya sektor huluan. Ini secara langsung akan meningkatkan harga minyak sawit mentah dan seterusnya peningkatan harga buah tandan segar (FFB). Langkah proaktif ini dijangka akan memberi kesan kepada pekebun kecil sawit yang bergantung kepada hasil penjualan FFB.

Selain itu, Kerajaan juga telah merealisasikan perjanjian persefahaman (MoU) antara 4 syarikat Malaysia bersama 3 syarikat China bersempena Forum Perniagaan Minyak Sawit Malaysia-China pada 4 Mac 2019. Hasil perjanjian ini akan meningkatkan jumlah pengambilan minyak sawit Malaysia ke China iaitu sebanyak 1,074,000 tan metrik. Kementerian yakin China akan terus mendapatkan lebih banyak minyak sawit dari Malaysia untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Ini dibuktikan dengan perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani pada 26 April 2019 berkaitan dengan tambahan jumlah pengambilan minyak sawit Malaysia oleh China sebanyak 1.9 juta tan metrik dalam tempoh 5 tahun. MoU tersebut turut disaksikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bersama Perdana Menteri China, Li Keqiang.

Tuan yang Dipertua,

Kerajaan juga mengambil inisiatif meningkatkan adunan biobahan api sawit dengan diesel petroleum melalui Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) yang telah dilaksanakan secara mandatori pada 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan dan Program Biodiesel B7 mulai 1 Julai 2019 bagi sektor industri. Program ini membantu meningkatkan penggunaan domestik minyak sawit negara dan seterusnya akan mengukuhkan harga sawit di pasaran.

Sekian, terima kasih.